

# Laporan Dana Takafulink 2010



Laporan dan Penyata Takafulink  
untuk tahun berakhir 31 Disember 2010

**PRUDENTIAL BSN** *5 Years* Innovation  
TAKAFUL powered by  
Dynamism

*Kami memahami, kami prihatin.*

# Memenuhi keperluan kewangan dan perlindungan anda



PruBSN Impian



Takafulink Cerdik



PruBSN Protect/  
ProtectPlus



PruBSN CrisisCover



Takaful Health



PruBSN Warisan



Takafulink



PruBSN Ummah



Takaful Puteri/  
Puteri Plus



PruBSN Gadai Janji dan  
Takaful Rumahku



Takaful Saver

PruBSN yang semakin berkembang adalah tertumpu pada pengenalan produk Takaful yang 'Pertama dalam pasaran' bagi memenuhi keperluan kewangan dan perlindungan rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan hidup. Niat kami untuk memenuhi keperluan ini mendorong kami untuk melangkaui amalan biasa dan menjadi peneraju dalam penciptaan produk berinovatif yang melebihi jangkaan... dari segala segi. Direka bentuk untuk menghayati keperluan anda sambil mengambil kira keutamaan anda. Apakah pilihan anda?


## Pemegang Sijil yang Dihormati,

Kami berbesar hati untuk menyampaikan kepada anda Ringkasan PruBSN Takaful Berhad bersama CD ROM 2010. CD ROM tersebut boleh didapati dalam bahagian dalam kulit buku di belakang ringkasan ini. Versi penuh Laporan Tahunan adalah tersedia dalam laman web kami di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)

## Kandungan

<b>2</b>	Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif	<b>13</b>	Sorotan Kewangan	<b>37</b>	Nota-nota Penyata Kewangan
<b>4</b>	Objektif Dana	<b>25</b>	Penyata Aset dan Liabiliti	<b>39</b>	Kenyataan oleh Pengarah
<b>5</b>	Tinjauan Pelaburan	<b>29</b>	Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	<b>40</b>	Laporan Juruaudit
<b>8</b>	Prestasi Dana	<b>33</b>	Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan		
<b>9</b>	Tinjauan Masa Depan Pelaburan				

# PERUTUSAN DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



*“Sempena sambutan ulang tahun kelima kami pada tahun ini, kami yakin kami boleh mencapai lebih kemajuan berlandaskan kejayaan lampau kami dan mendekati sasaran kami untuk menjadi Pengendali Takaful Nombor 1 di Malaysia,”*

**Azim Mithani**

*Ketua Pegawai Eksekutif  
Prudential BSN Takaful Berhad*

**Pemegang Sijil Takafulink PruBSN yang dihormati,  
Assalamualaikum dan salam sejahtera.**

Saya amat berbangga untuk berkongsi bersama anda laporan tahunan Takafulink 2010 kami. Saya berharap bahawa anda akan mendapati laporan ini berguna bagi anda untuk menyemak semula keperluan dan matlamat kewangan anda.

Dalam tahun 2010, ekonomi global terus berada pada arah pemulihan yang mantap dengan bermulanya pakej rangsangan kerajaan dan polisi kewangan. Di Malaysia, pelan rangsangan berjumlah RM67 bilion dan lantunan yang kukuh dalam pengeluaran dan perkhidmatan menyaksikan negara mencapai perkembangan KDNK yang mengagumkan sebanyak 7.2% dalam 2010 berbanding dengan penguncupan sebanyak 1.7% dalam 2009.

Walau bagaimanapun, masih terdapat rintangan masa hadapan untuk ekonomi global dalam 2011 berikutan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku pada awal tahun ini dan sebagai ekonomi yang diterajui oleh eksport, kami mengalu-alukan pendekatan proaktif berterusan yang diambil oleh Bank Negara.

Dana utama kami, Takaful Dana Ekuiti telah mencatat pulangan yang mantap, iaitu 17.7% dalam 2010. Malahan, semua dana kami mempunyai prestasi yang kukuh semasa 2010 seperti mana yang akan dimaklumkan kepada anda dalam laporan ini.

Kami juga telah melancarkan beberapa produk baru dalam 2010, terutamanya PruBSN Ummah, suatu produk amat berinovatif yang menggabungkan perlindungan dengan keperluan rohaniah. Sila hubungi kami jika anda ingin mendapat maklumat lanjut mengenai produk yang menarik ini.

Seperti mana yang diketahui oleh anda, 2011 ialah ulang tahun kelima PruBSN dan kami akan melancarkan beberapa kempen bersempena dengannya. Oleh itu, sila nantikan kempen-kempen menarik tersebut sepanjang tahun ini. Dan sempena sambutan ulang tahun kelima kami pada tahun ini, kami yakin kami boleh mencapai lebih kemajuan berlandaskan kejayaan lampau kami dan mendekati sasaran kami untuk menjadi Pengendali Takaful Nombor 1 di Malaysia. Anda merupakan tumpuan utama dalam apa jua yang kami laksanakan dan kami akan kekal memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anda. Ini adalah komitmen kami untuk lebih prihatin kepada keperluan anda dan untuk terus meningkatkan perkhidmatan kami kepada anda.

Saya mengucapkan terima kasih kepada sokongan berterusan anda dan kerana memilih PruBSN sebagai penyedia penyelesaian kewangan anda. Ia adalah satu penghormatan bagi kami untuk berkhidmat untuk anda.

Semoga anda mencapai segala kejayaan pada 2011!

## OBJEKTIF DANA

*Takafulink Dana Ekuiti* bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam saham kelulusan Syariah berkualiti tinggi dalam Bursa Saham Kuala Lumpur.

*Takafulink Dana Bon* bertujuan untuk menyediakan pengumpulan modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam Sekuriti Hutang Swasta Islam (*Islamic Private Debt Securities atau IPDS*) dan Kemudahan Pembiayaan Islam (*Islamic Financing Facilities atau IFF*).

*Takafulink Dana Urus* bermatlamat untuk memaksimumkan pulangan dalam tempoh sederhana sehingga panjang dengan melabur dalam saham kelulusan Syariah dan Sekuriti Hutang Swasta Islam (IPDS) dan Kemudahan Pembiayaan Islam (IFF) melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon dan dalam mana-mana dana Takafulink lain sebegini yang mungkin disediakan pada masa hadapan.

*Takafulink Dana Ekuiti Dinasti* bertujuan untuk memberi peningkatan nilai modal jangka panjang dengan melabur dalam pelaburan yang mematuhi prinsip Shariah dengan pendedahan pada rantau besar Negara China.

## Pasaran Ekuiti

2010 merupakan satu lagi tahun yang kukuh. Setelah memantul sebanyak 43% dalam 2009, Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (*FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index atau FBM KLCI*) meningkat 18% pada tahun terkini dan sejurusnya, memecah banyak rekod termasuk rekod pencapaian tertingginya. Faktor domestik yang mendorong pasaran termasuk usaha transformasi kerajaan seperti Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Programme atau ETP*), Model Ekonomi Baru (*New Economic Model atau NEM*) dan Pelan Malaysia Ke-10 (*10th Malaysia Plan atau 10MP*). Pasaran menghadapi rintangan di pertengahan tahun bila pelabur merasa bimbang terhadap kemelesetan berganda di Eropah dan Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, dana asing menjadi pembeli bersih yang ketara di separuh tahun kedua mengikut kekurangan kebimbangan kemelesetan berganda dan penambahan kesedaran terhadap potensi perkembangan yang lebih kukuh untuk pasaran sedang meningkat.

Tahun 2010 bermula dengan lembap. Tidak terdapat banyak pemangkin untuk mendorong bursa tempatan selain daripada pengumuman NEM pada akhir Mac. Kebimbangan krisis hutang Eropah terutamanya di negara Greece telah mengehendak sebarang pengukuhan ketara dalam pasaran ekuiti global dan rantau. Malaysia mengalami pengaliran keluar baru dana asing dari Januari hingga Mei.

Walaupun bagaimanapun, pasaran ekuiti global dan rantau mula kukuh dengan mantap selepas penjualan yang banyak dari April hingga Mei. FBM KLCI menurun dari paras 1,350 ke paras paling rendah iaitu 1,240 semasa tempoh ini. Namun demikian, semenjak paras paling rendah Mei ini, pasaran ekuiti seluruh dunia telah mengalami pengukuhan yang mantap. Malaysia mula mengalami aliran masuk dana asing dari Jun.

Di pasaran tempatan, terdapat banyak pengumuman dari kerajaan Malaysia yang membuat para pelabur teruja terhadap Malaysia. Ini termasuk pengumuman 10MP pada Jun diikuti oleh Hari Terbuka ETP pada September. Ini diikuti oleh Bajet 2011 pada Oktober. UMNO juga mengadakan Perhimpunan Agungnya pada Oktober tahun lepas. Pada September, FTSE meningkatkan Malaysia daripada pasaran sedang meningkat sekunder kepada pasaran sedang meningkat yang maju.

Saham perladangan menikmati penarafan semula dalam Oktober disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi, termasuk Minyak Sawit Mentah (*Crude Palm Oil atau CPO*). Penarafan semula saham pembinaan menyusul perolehan mantap Gamuda dan kemunculannya kembali dalam FBM KLCI. Selain itu, komitmen kerajaan untuk merangsangkan ekonomi disahkan berkali-kali, contohnya pengumuman 10MP dalam Jun, pelancaran kecilan ETP pada September dan Bajet 2011 pada Oktober.

## TINJAUAN PELABURAN

Saham hartanah meningkat dengan tidak dijangka setelah para pelabur kurang bimbang terhadap had ke atas nisbah pinjaman-pada-nilai dan memberi kepentingan pada impak pendapatan rekod jualan pada 2010. Aliran berita mengenai rizab tanah (*landbanking*) dan projek penswastaaan tanah oleh pemaju yang besar juga membantu penarafan semula sektor tersebut.

Walau bagaimanapun, pada November, pengukuhan dari Jun berhenti seketika. FBM KLCI telah mengukuh dari 1,243 mata pada akhir Mei untuk mencapai 1,531 mata di pertengahan November. Kebimbangan krisis fiskal Ireland serta ketegangan daripada serangan Korea Utara menyaksikan pasaran ekuiti global dan rantau juga berhenti seketika daripada pengukuhan mereka masing-masing. Kami menyaksikan tempoh ini sebagai fasa gabungan untuk pasaran ekuiti global dan rantau selepas pengukuhan yang mantap dari Jun hingga November.

### Pasaran Bon

Pada Januari 2010, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan kadar dasar semalaman (*overnight policy rate atau OPR*) yang tidak bertukar pada 2.0%. Tanda-tanda penormalan kadar faedah telah membawa kepada spekulasi pasaran pada tempoh dan kuantum kadar peningkatan dalam pertemuan MPC yang akan datang. Pada 4 Mac 2010, BNM menjadi bank pusat pertama di Asia untuk meningkatkan tanda aras kadar polisinya. Ia meningkatkan OPR sebanyak 25 mata dasar kepada 2.25%. Ini menandakan permulaan kepada penormalan kadar faedah daripada tahap rendah terkini yang tidak pernah berlaku dahulu. Pulangan bon berdaulat tempoh pertengahan hingga panjang jatuh setelah permintaan meningkat berikutan perdagangan mata wang.

Pada 13 Mei 2010, BNM meningkatkan kadar polisi tanda arasnya untuk kali kedua dalam satu tahun sebanyak 25 mata dasar kepada 2.50%. Ini bertujuan untuk menormalkan kadar faedah bagi mengelakkan peningkatan ketidakseimbangan kewangan. S&P mengesahkan penarafan kredit berdaulat Malaysia pada A+ (penarafan mata wang tempatan)/ A- (penarafan mata wang asing) dengan peninjauan yang stabil. Penarafan adalah berdasar pada kedudukan kecairan negara yang agak kukuh, ekonomi terbuka dan kebolehan yang teguh untuk membiayai semula hutang kerajaan. Inflasi yang boleh diuruskan, Ringgit yang kian meningkat dan pengesahan penarafan kredit berdaulat oleh S&P telah merangsangkan minat dalam bon kerajaan.



## TINJAUAN PELABURAN

BNM sekali lagi meningkatkan OPR sebanyak 25 mata dasar kepada 2.75% pada 8 Julai 2010. Ini adalah peningkatan yang ketiga berturut-turut semenjak Mac-10. Manakala aktiviti ekonomi domestik tetap teguh pada suku tahun kedua, BNM mengingatkan bahawa pembangunan luaran dalam kewangan antarabangsa dan persekitaran ekonomi mungkin menyebabkan kesederhanaan dalam kadar pertumbuhan. BNM mengekalkan OPR pada 2 September 2010 setelah momentum pertumbuhan global menyedana disebabkan oleh kelemahan berterusan dalam pasaran pekerja. Tambahan pula, impak peningkatan sementara pada aktiviti ekonomi yang dibekalkan oleh pertambahan inventori dan perangsang dasar telah mula pudar.

BNM bercadang untuk mengekalkan Kadar OPR pada 2.75% di pertemuan Jawatankuasa Polisi Kewangan pada 12 November 2010. Jawatankuasa Polisi Kewangan menganggap dasar kewangan terkini adalah sesuai dan konsisten dengan penilaian pertumbuhan ekonomi dan prospek inflasi. Dalam Bajet Malaysia 2011, defisit fiskal Malaysia disasarkan untuk menyempit pada 5.4% KDNK dalam 2011 (5.6% KDNK dalam 2010). Oleh begitu, jumlah bersih pinjaman Kerajaan pada 2011 dijangka meningkat dari RM60 bilion pada 2010 kepada anggaran RM90 bilion. Dengan pengeluaran kalendar lelongan bon berdaulat yang menunjukkan sejumlah besar pengeluaran jangka lebih panjang, hujung lebih panjang keluk hasil berdaulat dijangka akan meningkat.

Untuk tempoh 1 tahun di bawah tinjauan, pulangan bon berdaulat 3, 5 dan 10 tahun bertukar sebanyak -13bps, -45bps dan 25bps untuk menutup pada 3.11%, 3.34% dan 4.00% masing-masing.

Pasaran bon korporat menyaksikan penurunan pengeluaran hutang oleh pengendali air Selangor. Ini diakibatkan oleh ketidakpastian mengelilingi penstrukturan semula industri air Selangor yang masih belum selesai. Pulangan bon korporat secara am bergerak sejajar dengan pulangan bon berdaulat walaupun ia adalah satu susulan. Aktiviti dalam pasaran bon korporat telah disokong oleh kecairan yang mencukupi dan telah dikuasai oleh nama-nama terpilih dalam segmen AAA dan AA.

# PRESTASI DANA

## ***Takafulink Dana Ekuiti***

Seperti pada 31 Disember 2010, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 17.70% ke RM1.4064 berbanding dengan RM1.1949 seperti pada 31 Disember 2009.

Sejak dilancarkan (1 Disember 2006), Dana tersebut mencatatkan pulangan positif sebanyak 40.64%.

## ***Takafulink Dana Bon***

Seperti pada 31 Disember 2010, Nilai Aset Bersih setiap unit Takafulink Dana Bon meningkat ke RM1.1744 dari RM1.1134 seperti pada 31 Disember 2009, mencatat pulangan sebanyak 5.48% untuk tempoh di bawah tinjauan.

Sejak dilancarkan (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 17.44%.

## ***Takafulink Dana Urus***

Seperti pada 31 Disember 2010, Nilai Aset Bersih setiap unit Takafulink Dana Urus adalah pada RM1.3647 berbanding dengan RM1.1826 seperti pada 31 Disember 2009, mencatat pulangan sebanyak 15.39% untuk tempoh di bawah tinjauan.

Sejak dilancarkan (1 Disember 2006), Dana mencatatkan pulangan positif sebanyak 36.47%.

## ***Takafulink Dana Ekuiti Dinasti***

Seperti pada 31 Disember 2010, Nilai Aset Bersih setiap unit untuk Takafulink Dana Ekuiti Dinasti adalah pada RM1.0940 berbanding dengan RM1.0000 seperti pada 1 April 2010 (tarikh pelancaran), mencatat pulangan sebanyak 9.40% untuk tempoh di bawah tinjauan.

# TINJAUAN MASA DEPAN PELABURAN

## Ekuiti

Kami kekal positif secara berhati-hati terhadap ekuiti Malaysia dalam 2011. Pendapatan korporat dijangka masih agak teguh didorong oleh kekenyalan dalam permintaan pengguna, keteguhan harga komoditi dan disokong oleh inisiatif Program Transformasi Ekonomi (ETP) kerajaan. Kami juga menjangka lebih Projek Permulaan (Entry Point Projects atau EPP) akan diumumkan di bawah ETP dan meninjau pelaksanaan projek EPP yang telah diumumkan.

Penggabungan dan Pemerolehan (Mergers and Acquisition atau M&A) akan terus menjadi tema utama secara domestik. Jumlah Tawaran Awam Awal (Initial Public Offering atau IPO) dijangka teguh dan dengan itu berpotensi mendorong pasaran modal ekuiti dengan lebih lanjut. Pilihan raya kilat dalam 2011 mungkin menyebabkan ketidakpastian antara para pelabur.

Untuk mara ke hadapan, kami terus memberi keutamaan kepada strategi pelaburan bawah ke atas, di mana pilihan saham taktikal serta peruntukan aset akan mendorong prestasi dana yang lebih baik. Kami akan terus mencari syarikat yang mempunyai pendapatan yang stabil, kompetitif di pasaran tempatan atau luar negeri, dan memiliki ketelusan serta amalan pentadbiran korporat yang baik.

## Bon

Pengeluaran subsidi akan dilaksanakan pada 2011, selaras dengan pelan pengeluaran subsidi kerajaan setiap 6 bulan. Ini, bersama dengan kenaikan harga makanan dunia dan harga komoditi, akan membawa kepada peningkatan inflasi yang menambah kepada kebimbangan serantau. Namun demikian, Bank Negara Malaysia (BNM) menjangka inflasi kekal sederhana pada 2011 meskipun dengan rasionalisasi subsidi tersebut. Sebarang peningkatan dalam kadar polisi mungkin dilaksanakan dalam separuh tahun kedua 2011.

BNM telah mengeluarkan kalendar lelongan bon berdaulat dengan pembekalan lelongan yang lebih besar serta dengan lebih pengeluaran bertarikh yang lebih panjang. Keteguhan mata wang serantau terutamanya Ringgit, dan kelebihan carry trade akan terus menyediakan sokongan dasar untuk pulangan bon berdaulat yang didominasi Ringgit selagi pelabur terus mencari pulangan aset yang lebih tinggi. Namun demikian, pembalikan pengaliran dana secara tiba-tiba disebabkan oleh pengelakan risiko akan mencetuskan ketaktentuan dalam kelas aset pasaran sedang meningkat termasuk bon berdaulat didominasi Ringgit.

Aktiviti dalam bon korporat dijangka meningkat setelah pengeluar mengambil kesempatan persekitaran kadar faedah yang agak rendah dan pembaikan selera risiko untuk mendapatkan kos pinjaman lebih murah.

Kami menjangka pasaran bon akan terus disokong oleh kecairan domestik yang cukup dan persekitaran kredit yang lebih baik. Kami akan terus mengumpul pengeluaran berkualiti dengan pengaliran tunai yang stabil dan mencari peluang perdagangan.

## TINJAUAN MASA DEPAN PELABURAN

### ASIA

#### Tinjauan Pasaran

Pasaran Asia di luar Jepun menyampaikan satu lagi tahun yang amat baik dengan peningkatan 17% dari tahun sebelum ini yang juga merupakan tahun yang baik. Pengaliran kecairan ke dalam rantau ditarik oleh kadar faedah rendah dan asas struktur mantap mendorong kenaikan harga yang memarakkan tekanan inflasi.

Bank-bank pusat di rantau melalui satu pusingan kenaikan kadar seluruh tahun yang dipimpin oleh peningkatan kadar pertama oleh Bank Negara Malaysia. Manakala People Bank of China menambahkan nisbah keperluan rizab semasa tahun tersebut, negara-negara Asia lain kelihatan menyusul di belakang peningkatan kadar kerana tidak ingin menakutkan pelaburan asing. Negara-negara Asia juga mengambil inisiatif untuk mengekang peningkatan harga makanan. China dan Hong Kong, terutamanya, menempatkan pelbagai pengawalan pada peningkatan buih hartanah mereka.

Menjelang akhir tahun, ketegangan di semenanjung Korea mendapat perhatian dunia tetapi ia tidak menarik fokus daripada perkembangan ekonomi, tekanan inflasi dan peningkatan dalam komoditi global dan harga makanan.

#### Tinjauan

Bank-bank pusat merentasi rantau akan mengimbangi pertumbuhan ekonomi di samping menegahkan tekanan inflasi seperti harga, terutamanya harga makanan dan komoditi yang terus menaik. Lebih kenaikan kadar serta peningkatan lanjut dalam mata wang Asia dijangka dialami sepanjang tahun untuk mengekang inflasi yang semakin meningkat. Manakala kerajaan Asia menukar tumpuan kepada penggunaan domestik berbanding pergantungan pada eksport untuk mendorong ekonomi mereka, kerajaan akan terus berbelanja dalam infrastruktur bagi menaikkan kualiti hidup dalam negara-negara memuncul. Pengawalan lanjut dijangka akan dilaksanakan dan pengawalan yang telah disediakan sepanjang tahun lepas akan diuji keberkesanannya dalam mengekang buih hartanah China.

Selepas pengukuhan mantap sepanjang dua tahun lepas, kami menjangka prestasi pasaran bon yang kukuh akan mereda pada 2011. Polisi kewangan yang lebih agresif boleh mengenakan tekanan meningkat pada pulangan bon tempatan Asia manakala kenaikan mata wang Asia juga adalah positif untuk bon serantau.

## TINJAUAN MASA DEPAN PELABURAN

### GLOBAL

#### Tinjauan Pasaran

Ekuiti global memaparkan satu gambaran positif selepas pemulihan yang diharapkan dalam 2009. Indeks Dunia MSCI AC meningkat 10.4% mengesahkan bahawa ekonomi global sememangnya bertambah baik. Ketegangan politik di Korea dan Timur Tengah memarakkan kebimbangan dalam tahun tersebut tetapi tidak menjejaskan keseluruhan sentimen positif pasaran.

Kebimbangan sama ada pemulihan Amerika Syarikat adalah pembaikan sementara sebelum satu lagi penurunan mendorong Amerika Syarikat untuk selanjutnya mencetuskan ekonomi dengan pusingan kedua Pengurangan Kuantitatif (Quantitative Easing atau QE2).

Kesatuan Eropah (European Union atau EU) telah mengambil langkah penjimatan untuk membaiki kiris hutangnya. Ahli kerajaan dalam EU memotong perbelanjaan awam dan kebajikan sosial serta mengurangkan bajet kerajaan masing-masing melalui satu pelan penjimatan. Selepas negara Greece dan Ireland menerima bantuan kewangan menyelamat, kebimbangan ke atas penularan masalah hutang Eropah terus menjadi satu isu di kalangan para pelabur yang memperhatikan Sepanyol dan Portugal dengan teliti.

Dengan kecairan membanjiri pasaran dan mencari pulangan lebih baik, Asia adalah penyumbang kadar faedah lebih rendah yang menarik, struktur kewangan dan pendapatan korporat serta pengendalian perdagangan yang lebih kukuh. 2010 menyaksikan banyak negara dalam rantau Asia melaksanakan polisi untuk mengawal isu-isu tersebut yang telah bertapak merentasi Asia.

## TINJAUAN MASA DEPAN PELABURAN

### GLOBAL

#### Tinjauan

Keyakinan baru bersama dengan polisi yang dilakukan oleh beberapa buah kerajaan dalam 2010 menyediakan tapak permulaan untuk apa yang bakal berlaku dalam 2011. Kami menjangka tiga isu bertalian akan mendominasi tahun tersebut di mana pelaksanaan dan pengeluaran polisi adalah keutamaan:

1. QE2 di Amerika Syarikat
2. Program penjimatan di Eropah
3. Pengawasan di Asia

Keberkesanan pusingan kedua QE2 Amerika Syarikat akan diuji pada isu yang ia patut memperbaiki terutamanya yang akan mendorong pertumbuhan ekonomi, mengurangkan kadar pengangguran tinggi dan menurunkan defisit dagangan Amerika Syarikat.

Di zon Eropah, pembahagian antara negara persisiran dan negara jiran yang lebih stabil, seperti Negara Jerman dan Perancis, akan membawa kepada pertanyaan mengenai kestabilan dan keberkesanan blok Kesatuan Eropah dan mata wang Euro. Sama ada program penjimatan akan memenuhi matlamatnya akan menjadi satu harapan untuk 2011.

Bank pusat di Asia harus terus mengetatkan polisi fiskal dan kewangannya untuk mengawal kenaikan inflasi, buih hartanah dan peningkatan mata wang dengan lebih agresif.

Bidang lain yang akan mendorong sebarang pertukaran ekonomi adalah pertukaran iklim berleluasa, harga komoditi yang meningkat dan ketegangan politik di Korea dan Timur Tengah. 2011 juga akan menyaksikan institusi kewangan tergesa-gesa untuk memenuhi syarat Basel III baru yang memerlukan tahap modal dan laporan ketelusan yang lebih tinggi.

# SOROTAN KEWANGAN

## Jadual Prestasi Komparatif

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

### TAKAFULINK DANA EKUITI

Kategori	2010 %	2009 %	2008 %	2007 %
<b>Saham-saham yang Diluluskan Syariah</b>				
Bahan Pembinaan	2.24	2.73	1.20	6.77
Konglomerat	9.37	13.30	10.86	13.15
Pembinaan	13.72	7.98	8.43	8.47
Barangan Konsumer	1.55	2.89	2.25	1.55
Kewangan	0.30	0.28	–	–
Perindustrian	2.66	5.58	2.39	3.66
Media	0.90	0.25	1.25	3.14
Motor	1.91	1.45	1.66	3.76
Minyak & Gas	11.86	4.76	6.21	10.24
Perladangan	13.16	14.67	8.44	6.57
Tenaga	8.41	10.41	8.52	7.04
Hartanah	4.90	4.77	2.07	5.30
Teknologi	2.25	0.60	–	3.31
Telekomunikasi	16.72	12.49	10.64	4.35
Pembalakan	–	–	–	0.41
Pengangkutan	6.56	3.07	4.24	4.37
Air	0.15	0.49	1.08	2.07
	<b>96.66</b>	85.72	69.25	84.16
<b>Tunai dan Deposit</b>	<b>4.01</b>	15.38	28.86	18.63
<b>Aset-aset Lain</b>	<b>0.71</b>	0.75	2.35	(0.01)
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>( 1.37)</b>	(1.85)	(0.46)	(2.78)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	100.00	100.00	100.00

## SOROTAN KEWANGAN

### Jadual Prestasi Komparatif

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

#### TAKAFULINK DANA EKUITI


Kategori	2010 %	2009 %	2008 %	2007 %
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	<b>141,289,501</b>	93,892,359	39,816,472	22,179,240
Unit dalam Pendedaran	<b>100,463,328</b>	78,577,690	45,362,268	16,330,676
Nilai Aset Bersih seunit (RM)	<b>1.406</b>	1.195	0.878	1.358
Nilai Aset Bersih Tertinggi seunit (RM)	<b>1.415</b>	1.204	1.406	1.363
Nilai Aset Bersih Terendah seunit (RM)	<b>1.149</b>	0.871	0.844	0.983
TAKAFULINK DANA EKUITI				
Jumlah Pulangan <sup>(+)</sup>				
- Pertumbuhan Modal	<b>17.70%</b>	36.13%	-35.37%	35.81%
<b>Pulangan Tahunan Purata – Dana<sup>(+)</sup></b>				
<b>Tempoh</b>				
Satu tahun	<b>17.70%</b>			
Tiga tahun	<b>1.17%</b>			
<b>Pulangan Tahunan Purata - Penanda Aras:</b>				
<b>Indeks Syariah Emas FTSE-Bursa Malaysia (FBMSHA)</b>				
<b>Tempoh</b>				
Satu tahun	<b>18.20%</b>			
Tiga tahun	<b>-1.53%</b>			



## PRESTASI DANA TAKAFULINK DANA EKUITI

(Sejak dimulakan)

Takafulink Dana Ekuiti vs Indeks Syariah Emas FTSE-Bursa Malaysia (FBMSHA)



+ Pulangan Dana dikira berdasarkan lima titik perpuluhan

Harga unit Dana mungkin turun dan naik dan angka-angka prestasi lampau tidak menunjukkan prestasi masa hadapan.

## SOROTAN KEWANGAN

### Jadual Prestasi Komparatif

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

#### TAKAFULINK DANA BON

	2010 %	2009 %	2008 %	2007 %
<b>Kategori</b>				
Sekuriti Pendapatan Tetap:				
- Sekuriti Hutang Islam	60.36	54.25	63.11	85.40
- Kerajaan	25.18	26.37	10.88	–
- Separa Kerajaan	5.81	7.13	–	–
	91.35	87.74	73.99	85.40
<b>Tunai dan Deposit</b>	8.98	12.40	25.35	14.16
<b>Aset-aset Lain</b>	0.65	0.66	1.25	1.07
<b>Jumlah Liabiliti</b>	(0.98)	(0.80)	(0.59)	(0.63)
<b>Jumlah</b>	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	23,791,465	18,724,204	15,528,062	11,704,512
Unit dalam Pendedaran	20,258,545	16,817,282	14,645,091	11,238,402
Nilai Aset Bersih seunit (RM)	1.174	1.113	1.060	1.0415
Nilai Aset Bersih Tertinggi seunit (RM)	1.174	1.114	1.060	1.0430
Nilai Aset Bersih Terendah seunit (RM)	1.114	1.060	1.025	1.0000
Jumlah Pulangan <sup>(+)</sup>				
- Pertumbuhan Modal	5.47%	5.01%	1.81%	4.15%
- Agihan Pendapatan	–	–	–	–

## SOROTAN KEWANGAN

### Jadual Prestasi Komparatif


Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

#### TAKAFULINK DANA BON

	2010 %
<b>Pulangan Tahunan Purata – Dana<sup>(+)</sup></b>	
<b>Tempoh</b>	
Satu tahun	5.47%
Tiga tahun	4.08%
<b>Pulangan Tahunan Purata - Penanda Aras: Kadar Deposit Tetap Aras 1 12 bulan MBB</b>	
<b>Tempoh</b>	
Satu tahun	2.51%
Tiga tahun	2.51%

## PRESTASI DANA TAKAFULINK DANA BON (Sejak dimulakan)

Takafulink Dana Bon vs Kadar Deposit Islam Aras 1 Maybank 1 bulan



+ Pulangan Dana dikira berdasarkan lima titik perpuuhan

Harga unit Dana mungkin turun dan naik dan angka-angka prestasi lampau tidak menunjukkan prestasi masa hadapan.

## SOROTAN KEWANGAN

### Jadual Prestasi Komparatif

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

#### TAKAFULINK DANA URUS

	2010 %	2009 %	2008 %	2007 %
<b>Kategori</b>				
Pelaburan dalam-				
Dana Takafulink Dana Ekuiti	82.35	81.33	76.83	84.84
Dana Takafulink Dana Bon	17.65	18.67	23.17	15.16
Aset-aset Lain	0.01	–	–	–
Jumlah Liabiliti	(0.01)	–	–	–
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	39,683,534	23,037,250	9,031,083	3,047,901
Unit dalam Pendedaran	29,079,728	19,479,632	9,864,080	2,358,805
Nilai Aset Bersih seunit (RM)	1.365	1.183	0.916	1.292
Nilai Aset Bersih Tertinggi seunit (RM)	1.371	1.188	1.331	1.292
Nilai Aset Bersih Terendah seunit (RM)	1.150	0.911	0.885	0.987
Jumlah Pulangan <sup>(+)</sup>				
- Pertumbuhan Modal	15.39%	29.17%	-29.14%	29.21%
- Agihan Pendapatan	–	–	–	–

## SOROTAN KEWANGAN

### Jadual Prestasi Komparatif

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010


#### TAKAFULINK DANA URUS

	2010 %
<b>Pulangan Tahunan Purata – Dana<sup>(+)</sup></b>	
<b>Tempoh</b>	
Satu tahun	15.39%
Tiga tahun	1.84%
<b>Pulangan Tahunan Purata - Penanda Aras:</b>	
<b>80% FBMSHA + 20% Kadar Deposit</b>	
<b>Islam MBB 1 bulan Aras 1</b>	
<b>Tempoh</b>	
Satu tahun	15.06%
Tiga tahun	-0.69%

## PRESTASI DANA TAKAFULINK DANA URUS

(Sejak dimulakan)

Takafulink Dana Urus vs 80% FBMSHA + 20% Kadar Deposit Islam MBB 1 bulan Aras 1



+ Pulangan Dana dikira berdasarkan lima titik perpuhan

Harga unit Dana mungkin turun dan naik dan angka-angka prestasi lampau tidak menunjukkan prestasi masa hadapan.

## SOROTAN KEWANGAN

### Jadual Prestasi Komparatif

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

#### TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

	2010 %
<b>Kategori</b>	
Pelaburan dalam- Dana PRUdinasti Equity	97.29
Tunai dan Deposit	0.64
Aset-aset Lain	3.43
Jumlah Liabiliti	(1.36)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	1,465,272
Unit dalam Pendedaran	1,339,304
Nilai Aset Bersih seunit (RM)	1.094
Nilai Aset Bersih Tertinggi seunit (RM)	1.123
Nilai Aset Bersih Terendah seunit (RM)	0.932
Jumlah Pulangan(+)	
- Pertumbuhan Modal	9.41%
- Agihan Pendapatan	—



## SOROTAN KEWANGAN

### Jadual Prestasi Komparatif


Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

#### TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

	2010 %
<b>Pulangan Tahunan Purata – Dana<sup>(+)</sup></b>	
<b>Tempoh</b>	
Sejak dimulakan	9.40%
<b>Pulangan Tahunan Purata - Penanda Aras:</b>	
<b>Indeks Pasaran Islam Dow Jones China</b>	
<b>Tempoh</b>	
Sejak dimulakan	8.66%

## PRESTASI DANA TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI (Sejak dimulakan)

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti vs Indeks Pasaran Islam Dow Jones China



+ Pulangan Dana dikira berdasarkan lima titik perpuluhan

Harga unit Dana mungkin turun dan naik dan angka-angka prestasi lampau tidak menunjukkan prestasi masa hadapan.

# PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 31 Disember 2010

## TAKAFULINK DANA EKUITI

	2010		2009	
	RM	%	RM	%
Pelaburan				
Saham yang diluluskan oleh Syariah	136,570,597	96.66	80,481,952	85.72
Tunai dan Deposit				
Tunai di bank	9,166	0.01	2,049	0.00
Deposit	5,650,000	4.00	14,440,000	15.38
Aset Cukai	670,733	0.47	410,890	0.44
Aset-aset lain	326,630	0.23	288,718	0.31
<b>Jumlah Aset</b>	<b>143,227,126</b>	<b>101.37</b>	95,623,609	101.85
Peruntukan untuk Cukai Tertunda	(1,002,200)	(0.71)	(618,566)	(0.66)
Peruntukan untuk Percukaian	(843,023)	(0.60)	(214,554)	(0.23)
Liabiliti lain	(92,402)	(0.06)	(898,130)	(0.96)
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>(1,937,625)</b>	<b>(1.37)</b>	(1,731,250)	(1.85)
<b>Nilai Aset Bersih Dana</b>	<b>141,289,501</b>	<b>100.00</b>	93,892,359	100.00
<b>Dana Peserta</b>				
Modal	112,624,127	79.71	84,339,096	89.83
Pendapatan yang dijanakan bawa ke hadapan	28,665,374	20.29	9,553,263	10.17
	141,289,501	100.00	93,892,359	100.00
<b>Nilai Aset Bersih Seunit (RM)</b>	<b>1.40638</b>		1.19490	
<b>JUMLAH UNIT</b>	<b>100,463,328</b>		78,577,690	

## PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 31 Disember 2010

### TAKAFULINK DANA BON

	2010		2009	
	RM	%	RM	%
Pelaburan				
Sekuriti Hutang Islam	21,733,842	91.35	16,429,142	87.74
Tunai dan Deposit				
Tunai di bank	46,680	0.20	2,206	0.01
Deposit	2,090,000	8.78	2,320,000	12.39
Aset-aset lain	155,791	0.65	123,288	0.66
<b>Jumlah Aset</b>	<b>24,026,313</b>	<b>100.98</b>	18,874,636	100.80
Peruntukan untuk Cukai Tertunda	(214,779)	(0.90)	(145,032)	(0.77)
Peruntukan untuk Percukaian	(17,339)	(0.07)	(1,145)	(0.01)
Liabiliti lain	(2,730)	(0.01)	(4,255)	(0.02)
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>(234,848)</b>	<b>(0.98)</b>	(150,432)	(0.80)
<b>Nilai Aset Bersih Dana</b>	<b>23,791,465</b>	<b>100.00</b>	18,724,204	100.00
<b>Dana Peserta</b>				
Modal	21,166,026	88.96	17,224,557	91.99
Pendapatan yang dijanakan bawa ke hadapan	2,625,439	11.04	1,499,647	8.01
	<b>23,791,465</b>	<b>100.00</b>	18,724,204	100.00
<b>Nilai Aset Bersih Seunit (RM)</b>	<b>1.17439</b>		1.11339	
<b>JUMLAH UNIT</b>	<b>20,258,545</b>		16,817,282	

# PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 31 Disember 2010

## TAKAFULINK DANA URUS

	2010		2009	
	RM	%	RM	%
Pelaburan dalam -				
Dana Takafulink Dana Ekuiti	32,679,670	82.35	18,737,138	81.33
Dana Takafulink Dana Bon	7,003,812	17.65	4,300,103	18.67
Tunai di bank	—	—	—	—
Aset-aset lain	2,878	0.01	830	0.00
<b>Jumlah Aset</b>	<b>39,686,360</b>	<b>100.01</b>	<b>23,038,071</b>	<b>100.00</b>
<b>Liabiliti lain</b>	<b>(2,826)</b>	<b>(0.01)</b>	<b>(821)</b>	<b>(0.00)</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>(2,826)</b>	<b>(0.01)</b>	<b>(821)</b>	<b>(0.00)</b>
<b>Nilai Aset Bersih Dana</b>	<b>39,683,534</b>	<b>100.00</b>	<b>23,037,250</b>	<b>100.00</b>
<b>Dana Peserta</b>				
Modal	32,954,452	83.04	20,908,159	90.76
Pendapatan yang dijanakan bawa ke hadapan	6,729,082	16.96	2,129,091	9.24
	<b>39,683,534</b>	<b>100.00</b>	<b>23,037,250</b>	<b>100.00</b>
<b>Nilai Aset Bersih Seunit (RM)</b>	<b>1.36465</b>		<b>1.18263</b>	
<b>JUMLAH UNIT</b>	<b>29,079,728</b>		<b>19,479,632</b>	

# PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 31 Disember 2010

## TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

	2010	
	RM	%
Pelaburan dalam - Dana PRUDinasti Equity	1,425,537	97.29
Tunai di bank	9,445	0.64
Aset-aset lain	50,204	3.43
<b>Jumlah Aset</b>	<b>1,485,186</b>	<b>1 01.36</b>
<b>Peruntukan untuk Cukai Tertunda</b>	<b>(3,682)</b>	<b>(0.25)</b>
<b>Liabiliti lain</b>	<b>(16,232)</b>	<b>(1.11)</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>(19,914)</b>	<b>(1.36)</b>
<b>Nilai Aset Bersih Dana</b>	<b>1,465,272</b>	<b>100.00</b>
<b>Dana Peserta</b>		
Modal	1,375,933	93.90
Pendapatan yang dijanakan bawa ke hadapan	89,339	6.10
	<b>1,465,272</b>	<b>100.00</b>
<b>Nilai Aset Bersih Seunit (RM)</b>	<b>1.09406</b>	
<b>JUMLAH UNIT</b>	<b>1,339,304</b>	

# PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

## TAKAFULINK DANA EKUITI

	2010 RM	2009 RM
Nilai Aset Bersih pada permulaan tahun	93,892,359	39,816,472
Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan	68,787,908	76,953,647
Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan	(40,502,877)	(41,749,862)
Pendapatan bersih/(Perbelanjaan)	19,112,111	18,872,102
<b>Nilai dana pada penghujung tahun</b>	<b>141,289,501</b>	93,892,359

## PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

### TAKAFULINK DANA BON

	2010 RM	2009 RM
Nilai Aset Bersih pada permulaan tahun	18,724,204	15,528,062
Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan	7,488,511	9,140,169
Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan	(3,547,042)	(6,775,176)
Lebih Pendapatan atas Perbelanjaan	1,125,792	831,149
<b>Nilai dana pada penghujung tahun</b>	<b>23,791,465</b>	18,724,204



## PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

### TAKAFULINK DANA URUS

	2010 RM	2009 RM
Nilai Aset Bersih pada permulaan tahun	23,037,250	9,031,083
Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan	24,378,376	20,013,016
Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan	(12,332,083)	(9,720,942)
Lebih Pendapatan atas Perbelanjaan	4,599,991	3,714,093
<b>Nilai dana pada penghujung tahun</b>	<b>39,683,534</b>	23,037,250

## PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

### TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

	2010 RM
Nilai Aset Bersih pada permulaan tahun	–
Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan	1,924,316
Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan	(548,383)
Lebih Pendapatan atas Perbelanjaan	89,339
<b>Nilai dana pada penghujung tahun</b>	<b>1,465,272</b>

# PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

## TAKAFULINK DANA EKUITI

	2010 RM	2009 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih	3,635,382	1,986,007
Pendapatan Keuntungan	295,335	227,032
Pendapatan Dividen	3,340,047	1,758,975
Keuntungan dalam Pelupusan Sekuriti	7,419,662	3,319,208
Laba modal belum terealisasi	11,496,462	17,959,422
Pendapatan lain	11,721	151
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>22,563,227</b>	<b>23,264,788</b>
Fi Pengurusan Pelaburan	(1,661,322)	(1,001,373)
Kerugian dalam Pelupusan Sekuriti	(667,929)	(2,702,938)
Kerugian modal belum terealisasi	–	–
Peruntukan cukai	(1,092,235)	(655,439)
Lain-lain Perbelanjaan	(29,630)	(32,936)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(3,451,116)</b>	<b>(4,392,686)</b>
<b>Lebih Pendapatan ke atas (Perbelanjaan)</b>	<b>19,112,111</b>	<b>18,872,102</b>
Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan	9,553,263	(9,318,839)
Jumlah Tersedia untuk Pengagihan	–	–
Pendapatan yang Dijanakan bawa ke hadapan	28,665,374	9,553,263

## PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

### TAKAFULINK DANA BON

	2010 RM	2009 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih	826,709	681,950
Pendapatan Keuntungan	826,709	681,950
Keuntungan dalam Pelupusan	42,904	16,327
Sekuriti	42,904	16,327
Lain-lain	–	–
Laba Modal Belum Terealisasi	455,085	297,470
Pendapatan Lain	–	–
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>1,324,698</b>	995,747
Fi Pengurusan Pelaburan	(105,424)	(85,576)
Kerugian dalam Pelupusan	–	(17,200)
Sekuriti	–	(17,200)
Kerugian modal belum terealisasi	–	–
Peruntukan cukai	(86,843)	(54,552)
Lain-lain Perbelanjaan	(6,639)	(7,270)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(198,906)</b>	(164,598)
<b>Lebih Pendapatan ke atas (Perbelanjaan)</b>	<b>1,125,792</b>	831,149
Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan	1,499,647	668,498
Jumlah Tersedia untuk Pengagihan	–	–
Pendapatan yang Dijanakan bawa ke hadapan	2,625,439	1,499,647

# PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

## TAKAFULINK DANA URUS

	2010 RM	2009 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih	395,149	209,596
Rebat Fi	395,149	209,596
Keuntungan dalam Pelupusan Sekuriti	957,134	444,625
Laba Modal Belum Terealisasi	3,638,201	3,469,082
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>4,990,484</b>	<b>4,123,303</b>
Fi Pengurusan Pelaburan	(390,493)	(206,276)
Kerugian dalam Pelupusan Sekuriti	–	(202,756)
Kerugian Modal Belum Terealisasi	–	–
Peruntukan cukai	–	–
Lain-lain Perbelanjaan	–	(178)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(390,493)</b>	<b>(409,210)</b>
<b>Lebihan Pendapatan ke atas (Perbelanjaan)</b>	<b>4,599,991</b>	<b>3,714,093</b>
Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan	2,129,091	(1,585,002)
Jumlah Tersedia untuk Pengagihan	–	–
Pendapatan yang Dijanakan bawa ke hadapan	6,729,082	2,129,091

## PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

### TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

	2010 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih	7,227
Pendapatan Keuntungan	21
Rebat Fi	7,206
Keuntungan dalam Pelupusan	–
Sekuriti	–
Laba Modal Belum Terealisasi	92,037
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>99,264</b>
Fi Pengurusan Pelaburan	(6,082)
Kerugian dalam Pelupusan	–
Sekuriti	–
Kerugian Modal Belum Terealisasi	–
Peruntukan cukai	(3,681)
Lain-lain Perbelanjaan	(162)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(9,925)</b>
<b>Lebihan Pendapatan ke atas (Perbelanjaan)</b>	<b>89,339</b>
Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan	–
Jumlah Tersedia untuk Pengagihan	–
Pendapatan yang Dijanakan bawa ke hadapan	89,339

## 1. Ringkasan Polisi Perakaunan Penting

### a. Dasar Perakaunan

Penyata-penyata kewangan telah disediakan selaras dengan Garis Panduan Perniagaan Berkait Perniagaan Insurans/Takaful Pelaburan (BNM/RH/GL 010-15) dan keperluan dokumen sijil, diubahsuai seperti berikut:

- (i) bagi tujuan penentuan harga unit, pelaburan pada nilai pasaran diselaraskan untuk mengambil kira kos perolehan pada masa hadapan. Ini adalah untuk memastikan harga unit yang wajar bagi bakal pemegang unit, pemegang unit tamat tempoh dan pemegang unit sedia ada;
- (ii) bagi tujuan penentuan harga unit, peruntukan untuk cukai tertunda diiktiraf ke atas perbezaan sementara yang dikenakan cukai dan deduktibel dengan menggunakan kadar pengiraan aktuari sebanyak 4% berbanding kadar berkanun sebanyak 8%. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa perbezaan sementara ini hanya akan direalisasikan pada masa hadapan, dengan itu, kadar cukai yang lebih rendah iaitu 4% telah digunakan untuk memastikan penetapan harga unit yang sekata bagi bakal pemegang unit, pemegang unit tamat tempoh dan pemegang unit sedia ada; dan
- (iii) aset cukai tertunda yang timbul daripada perbezaan sementara pada kerugian belum terealisasi pada pelaburan tidak akan diiktirafkan.

### b. Pelaburan

Pelaburan yang disebut harga dinilai pada harga pasaran di penghujung tahun kewangan. Bon-bon/saham-saham pinjaman yang tidak disebut harga dinilai pada harga sedia ada yang disebut harga oleh institusi-institusi kewangan.

Keuntungan atau kerugian bersih belum direalisasikan dalam nilai pelaburan dikreditkan atau dicaj ke dalam akaun modal.

### c. Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen dikenal pasti apabila hak untuk menerima pembayaran diwujudkan.

### d. Pendapatan Keuntungan

Pendapatan keuntungan dikenal pasti pada dasar akrual.

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

### e. Keuntungan/Kerugian bagi Jualan Pelaburan

Keuntungan atau kerugian yang terbit daripada hasil penjualan pelaburan akan dikreditkan atau dicaj kepada akaun modal.

### f. Fi Pengurusan Pelaburan

Fi pengurusan pelaburan dikira menurut peruntukan dalam dokumen sijil.

### g. Rebat Fi

Ini berkaitan dengan rebat fi dari Pengurus Kewangan yang merujuk kepada pelaburan yang dipegang di dalam Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon bagi Takafulink Dana Urus.

### h. Wang tunai dan persamaan

Wang tunai dan persamaannya terdiri daripada wang tunai di tangan dan baki dalam bank tidak termasuk deposit Islam.

## 2. Lain-lain pengeluaran adalah dalam bentuk caj-caj bank dan caj-caj pemegang amanah.

## 3. Rebat dan Komisen Ringan

Pengurus Dana dihadkan oleh peraturan untuk menerima sebarang rebat atau berkongsi sebarang komisen saham daripada mana-mana broker/wakil penjual. Oleh sebab itu, sebarang rebat dan komisen saham yang diterima dari broker/wakil penjual akan diarahkan kepada Dana. Walau bagaimanapun, komisen ringan yang diterima dalam satu bentuk barangan dan perkhidmatan yang dapat memanfaatkan pemegang unit seperti pangkalan data asas, perkhidmatan wayar kewangan, perisian analisis teknikal dan sistem sebut harga sampingan untuk pengurusan pelaburan Dana adalah dikekalkan oleh Pengurus Dana.

## 4. Pada 31 Disember 2010, Dana tidak mempunyai liabiliti atau komitmen luar jangka.

## 5. Semua jumlah dinyatakan adalah dalam Ringgit Malaysia.



## KENYATAAN OLEH PENGARAH

Menurut pendapat Para Pengarah, penyata kewangan bagi Dana-dana Takafulink (“Dana”) yang dinyatakan di muka surat 25 hingga 38, yang mengandungi Penyata Aset dan Liabiliti pada 31 Disember 2010 dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan yang berkaitan serta Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 bersama dengan nota-nota tambahan, telah disediakan, dalam semua bahan penting sejajar dengan polisi perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 1 penyata kewangan dan Garis Panduan Berkait Pelaburan Perniagaan Insurans/Takaful (BNM/RH/GL 010-15) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Ditandatangani mengikut resolusi Para Pengarah:

**Datuk Adinan bin Maning**

**Charlie Espinola Oropeza**

Kuala Lumpur  
14 April 2011

## Laporan mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan Dana-Dana Takafulink Prudential BSN Takaful Berhad, yang terdiri daripada Penyata Aset dan Liabiliti seperti pada 31 Disember 2010, dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Pertukaran Nilai Aset Bersih untuk tahun yang telah berakhir, ringkasan polisi perakaunan yang ketara dan nota-nota penjelasan yang lain, seperti yang tertera di muka surat 25 hingga 38.

### Tanggungjawab Para Pengarah bagi Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat adalah bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan selaras dengan polisi perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 1 penyata kewangan dan Garis panduan Perniagaan Berkait Pelaburan Insurans/Takaful (Guidelines on Investment-Linked Insurance/Takaful Business) dan untuk kawalan dalaman sebagaimana para pengarah menentukan adalah perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang penting, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan pada audit kami. Kami menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami memenuhi keperluan beretika di samping merancang dan melaksanakan audit tersebut untuk mencapai jaminan munasabah sama ada penyata-penyata kewangan tersebut adalah bebas daripada salah nyata yang penting.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapat bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih adalah tertakluk kepada penilaian kami, termasuk penilaian risiko mengenai salah nyata yang penting dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan oleh entiti tersebut supaya dapat membentuk prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan memberi pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman entiti. Sesuatu audit juga termasuk memberi penilaian tentang kesesuaian polisi perakaunan yang diamalkan serta keberpatutan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, di samping menilaikan keseluruhan penyampaian penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi dasar munasabah kepada pendapat audit kami.

## LAPORAN JURUAUDIT kepada Pemegang Unit Dana-dana Takafulink

### **Pendapat**

Pada pendapat kami, penyata kewangan pada 31 Disember 2010 dan untuk tahun berakhir pada masa tersebut telah disediakan, dalam semua hubungan penting selaras dengan polisi perakaunan yang tertera dalam Nota 1 penyata kewangan serta Garis panduan Perniagaan Berkait Pelaburan Insurans/Takaful (BNM/RH/GL 010-15).

### **Penekanan Isu-Isu**

Tanpa mensyaratkan pendapat kami, kami ingin menarik perhatian anda kepada Nota 1a (ii) dalam akaun di mana kadar cukai yang lebih rendah telah digunakan untuk peruntukan cukai tertunda penyata kewangan. Sepertimana yang dijelaskan dalam Nota 1a (ii), Para Pengarah Syarikat berpendapat ia lebih wajar kepada pemegang unit untuk menggunakan kadar yang lebih rendah daripada kadar cukai berkanun dalam penetapan harga unit.

### **Lain-Lain Hal**

Laporan ini adalah khusus untuk pemegang unit Dana, sebagai satu kumpulan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

### **KPMG**

No. Firma: AF: 0758

Akauntan Bertauliah

14 April 2011

Petaling Jaya